

Total lockdown seluruh negara

Sinar HARIAN (29/05/2021) MIS 06

Kerajaan tutup sektor sosial, ekonomi sepenuhnya dari 1 Jun hingga 14 Jun

Oleh NAZRIN ZULKAFLI

PUTRAJAYA



MUHYIDDIN

memutuskan untuk melaksanakan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun 'total lockdown' fasa pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021.

Sepanjang tempoh ini, SEMUA sektor TIDAK DIBENARKAN untuk beroperasi KECUALI sektor ekonomi dan perkhidmatan perlu yang akan disenaraikan oleh MKN.

Keputusan ini dibuat selepas mengambil kira situasi terkini penularan Covid-19 di Malaysia dengan jumlah kes harian telah melebihi 8,000 kes dan kes aktif melebihi 70,000 kes.

Setakat Jumaat, seramai 2,552 orang telah meninggal dunia akibat wabak ini dan jumlah kematian semakin meningkat.

Kewujudan varian-varian baharu yang lebih ganas dengan kadar kebolehhajngkitan yang tinggi dan pantas juga turut mempengaruhi keputusan ini.

Dengan peningkatan kes-kes harian yang menunjukkan trend kenaikan secara lebih mendadak mutakhir ini, kapasiti hospital di seluruh negara untuk merawat pesakit Covid-19 juga semakin terhad.

Sekiranya lockdown fasa pertama ini berjaya mengurangkan



kes-kes harian Covid-19, kerajaan akan melaksanakan lockdown fasa kedua, iaitu dengan membenarkan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi yang tidak melibatkan perhimpunan yang besar serta boleh mematuhi penjarakan fizikal. Lockdown fasa kedua ini akan dilaksanakan untuk tempoh empat minggu selepas fasa pertama berakhir.

Setelah berakhirnya lockdown fasa kedua, langkah seterusnya ialah memasuki fasa ketiga, iaitu melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan seperti yang berkuat kuasa pada masa ini di mana aktiviti sosial tidak dibenarkan dan hampir semua sektor ekonomi dibenarkan beroperasi tertakluk kepada SOP yang ketat

serta kehadiran secara fizikal di tempat kerja yang dihadkan.

Bagaimanapun, keputusan untuk beralih dari satu fasa ke fasa yang berikutnya akan tertakluk kepada penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Penilaian akan dibuat berdasarkan perkembangan kes-

kes harian semasa dan kapasiti hospital di seluruh negara untuk merawat pesakit Covid-19.

Kerajaan akan memastikan sistem kesihatan awam di negara kita tidak akan runtuh dan pelbagai sokongan dan bantuan akan diberikan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk meningkatkan kapasiti hospital di seluruh negara.

Kerajaan juga akan mening-

katkan jumlah pemberian vaksin dalam tempoh beberapa minggu akan datang dalam usaha untuk menghasilkan imuniti kelompok di negara ini.

Susulan keputusan kerajaan untuk melaksanakan penutupan penuh sektor ekonomi dan sosial, Kementerian Kewangan akan memperincikan pakej bantuan kepada rakyat dan sektor ekonomi yang terkesan. Pengumuman mengenai pakej bantuan ini akan dibuat dalam masa terdekat.

Semua rakyat Malaysia dinasihatkan untuk terus berdisiplin dan sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi memutuskan rantaian jangkitan Covid-19. Yang terbaik ialah duduk di rumah, atau Stay at Home untuk bersama-sama melandaikan lengkung jangkitan Covid-19.

MKN memutuskan untuk melaksanakan 'total lockdown' fasa pertama di seluruh negara bermula 1 Jun sehingga 14 Jun ini.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?